

1. Pertamanya, saya bagi pihak MAFI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Haji Md Yasin, kerana sudi melapangkan masa menyampaikan ucapan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan yang ke-46 tahun 2021. Ini merupakan satu penghormatan kepada seluruh warga Tani dan mencerminkan bahawa Peladang, Penternak dan Nelayan sangat dekat di hati YAB Perdana Menteri.
2. Tidak lupa juga, saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucapan aluan khususnya kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, selaku penganjur majlis yang sekalian kalinya pada setiap tahun. Saya difahamkan, selepas ini akan diadakan sesi webinar bersama warga Peladang, Penternak dan Nelayan seluruh negara melalui beberapa pembentangan dan perkongsian maklumat terkini yang sudah tentu untuk manfaat bersama.

Saudara Saudari, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati,

3. Tanggal 6 Ogos merupakan satu tarikh yang sangat istimewa, diisytiharkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang Kedua sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan di negara kita. Ini satu penghormatan dan penghargaan besar kerajaan terhadap sumbangan dan jasa peladang, penternak dan nelayan dalam membantu memastikan sumber bekalan makanan untuk rakyat di negara kita sentiasa mencukupi. Saya dengan ini, ingin mengambil kesempatan, untuk mengucapkan **Selamat Hari Peladang, Penternak dan Nelayan buat kali yang ke 46 kepada semua para peladang, penternak dan nelayan di seluruh negara.**

Saudara Saudari, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati,

4. Kita masih sedang melalui tempoh yang penuh dengan cabaran di mana negara berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 yang merupakan satu situasi yang belum pernah kita hadapi sebelum ini. Kesannya begitu besar kepada keseluruhan kesejahteraan manusia bukan sahaja di negara kita, malah di seluruh

dunia. Industri Agromakanan Negara turut terjejas terutamanya di peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun ia berjaya diatasi dengan segera di mana kelancaran keseluruhan rantaian makanan termasuk pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan dipastikan tidak terganggu.

5. Peladang, Penternak dan Nelayan adalah tulang belakang negara dalam pengeluaran makanan. Melalui usaha dan pengorbanan anda semua, kita berjaya memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan negara sentiasa terjamin dan memenuhi keperluan rakyat dalam apa jua keadaan.

Saudara Saudari, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati,

6. Menyedari hal ini, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara atau FSCC yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 25 Mac 2020 untuk merangka dasar sekuriti makanan yang holistik dan mampan ke arah meningkatkan daya tahan sistem makanan negara.
7. Kerajaan juga sering kali mendengar rungutan, khususnya dari pesawah di mana manipulasi harga benih padi sah sering kali berlaku. Bagi menangani masalah tersebut dari terus berulang, MAFI telah menetapkan harga siling benih padi sah atau harga jualan maksimum benih padi sah di peringkat runcit sama ada melalui pemborong, syarikat panel pengeluar dan peruncit supaya tidak melebihi RM35.00 setiap 20 kilogram beg benih padi sah.
8. Kerajaan juga akan meneruskan semua program input dan output pertanian bersubsidi untuk terus menyokong industri padi dan beras termasuk Insentif Benih padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP). Bagi tahun 2021, MAFI telah diperuntukkan RM1.57 bilion melalui Belanjawan 2021 untuk melaksanakan inisiatif subsidi-subsidi untuk manfaat para pesawah.

Saudara saudari, tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

9. MAFI sentiasa prihatin dengan keperluan para peladang, penternak dan nelayan. Peruntukan-peruntukan sama ada berbentuk peruntukan pembangunan semasa dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), mahupun peruntukan-peruntukan khas diumumkan oleh YAB Perdana Menteri adalah bagi membantu para peladang, penternak dan nelayan untuk meneruskan projek dan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran.
10. Pelbagai bantuan-bantuan bersasar di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan bagi membantu pengusaha sektor agromakanan yang terkesan termasuk mereka yang mengusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing.
11. Peruntukan dan dana-dana ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membantu tuan-puan selaku kumpulan sasaran yang amat penting di bawah MAFI. Ini termasuklah kelulusan sejumlah RM62 juta peruntukan Prihatin Dana Khas untuk Pertubuhan Peladang seluruh negara bagi memastikan aktiviti di setiap rantaian nilai agromakanan dapat diteruskan.
12. Tambahan dari itu, Kerajaan melalui Pertubuhan Peladang tidak mengabaikan golongan B40 di dalam membantu menambah hasil pendapatan mereka. Sejumlah RM13.21 juta telah diperuntukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di dalam membantu golongan B40 menerusi projek tanaman kontan yang berupaya menjana pendapatan dalam tempoh yang cepat.
13. Program Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank juga sedang giat dilaksanakan. Jumlah keseluruhan skim ini adalah sebanyak RM850 juta yang merangkumi peruntukkan sebanyak RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan RM500 juta di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Usahawan mikro dan komuniti B40 dalam sektor pertanian dan industri makanan yang terjejas akibat daripada pandemik COVID-19 dan PKP digalakkan untuk memohon kemudahan pembiayaan yang disediakan Kerajaan di bawah Agrobank.

14. MAFI telah dan akan terus memastikan setiap inisiatif di bawah pakej ekonomi untuk agromakanan sampai kepada golongan sasaran dalam memastikan kelangsungan setiap peringkat rantai makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat.
15. Di kesempatan pada pagi ini, saya turut mengesa dan menggalakkan agar semua para peladang, penternak dan nelayan menggunakan teknologi moden dan digital terutama dalam industri hulu dan hiliran agar produktiviti dimaksimumkan dan pendapatan dapat ditingkatkan seterusnya menjadikan sektor pertanian lebih maju dan berdaya saing.

Saudara Saudari Yang Saya Hormati Sekalian,

16. Para peladang, penternak dan nelayan di seluruh Negara merupakan **Barisan Hadapan atau 'Frontliners' Sektor Agromakanan Negara**. Para peladang, penternak dan nelayan adalah **WIRA TANI** yang sentiasa membantu kerajaan bagi memastikan bekalan makanan Negara sentiasa mencukupi walaubagaimana keadaan sekalipun. Jasa dan pengorbanan mereka sebagai WIRA TANI dalam sektor agromakanan Negara sentiasa kita hargai. Maka, ternyata tarikh 6 Ogos setiap tahun dijadikan sebagai Hari Peladang, Penternak dan Nelayan adalah satu tindakan yang tepat.
17. Sempena tarikh keramat ini, sukacita saya maklumkan bahawa pihak MAFI juga memperkenalkan Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC). Program ini merupakan satu usaha yang dirancang oleh MAFI bagi membantu Kerajaan meningkatkan pengambilan vaksinasi dalam kalangan pekerja dan individu-individu yang terlibat dalam sektor agromakanan selaras dengan matlamat Kerajaan bagi mempercepatkan vaksinasi dan mencapai imuniti kelompok. Program ini juga dilaksanakan bagi melindungi kesejahteraan pekerja-pekerja dan seterusnya membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi serta rantai nilai makanan di Malaysia. Inisiatif dengan kerjasama MOSTI dan COVID-19 *Immunisation Task Force* (CITF) ini akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

18. Program AiVAC ini akan melibatkan semua Jabatan dan Agensi di bawah MAFI di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah termasuk PPK dan PNK. Melalui program ini, MAFI menjangkakan semua '*frontliner*' sektor agromakanan akan lengkap divaksinasi menjelang November 2021. Sebelum ini, MAFI juga telah menyokong dan memudahcara proses vaksinasi melalui syarikat-syarikat dalam sektor agromakanan melalui Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).
19. Pada masa yang sama, perkembangan positif kadar vaksinasi harian yang telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan memberi keyakinan kepada kita bahawa Pelan Pemulihan Negara dapat kita jayakan bersama. Dalam hal ini, saya menyeru supaya seluruh warga Peladang, Penternak dan Nelayan untuk sama-sama menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan segera mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

20. Saya menyedari bahawa penularan pandemik Covid-19 ini telah memberi kesan kepada golongan peladang, penternak dan nelayan. Ada diantara mereka terjejas pendapatan dan juga terputus bekalan makanan. Justeru, MAFI melalui Jabatan dan Agensi sedang giat menggerakkan program bakul makanan MAFI Prihatin di seluruh Negara bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh golongan yang terkesan.
21. Sehingga kini dianggarkan seramai 63,000 penerima yang terjejas akibat COVID-19 di 300 lokasi seluruh Negara telah mendapat manfaat sumbangan bantuan *in-kind* dalam bentuk barangan keperluan harian dan barangan makanan melalui Program MAFI Prihatin ini.
22. Di kesempatan ini juga, saya ingin berpesan kepada saudara saudari agar sentiasa mematuhi semua peraturan dan SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) demi

melindungi rakyat daripada pandemik bahaya ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga wabak ini berjaya ditangani dengan segera dan kita semua dapat menjalani kehidupan seperti biasa bersama keluarga tercinta.

23. Saya percaya dengan sokongan dan kerjasama semua pihak, kita akan dapat melandaikan lekuk jangkitan COVID-19 dan keluar dari kemelut pandemik ini dengan secepat mungkin, dan sama-sama memartabatkan lagi sektor agromakanan, lantas memperkukuh sekuriti makanan negara.

24. Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak warga MAFI ingin mengucapkan **SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN TAHUN 2021** kepada semua warga Peladang, Penternak dan Nelayan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.